

11/12/1998

Hayati makna sebenar reformasi

Ros Satira Osman

SAYA sebagai wakil kepada sebahagian rakyat ingin membawa kita sama-sama berfikir mengenai beberapa perkara yang saya rasa amat berat untuk kita tanggung sekarang ini. Saya mahu kita merenung apakah yang dikatakan `reformasi`.

Sebagai rakyat kita harus memahami apa itu `reformasi`. Reformasi adalah gerakan pemulihan bertujuan memperbaiki sesuatu yang dulunya kurang baik kepada lebih baik, atau dalam erti kata lain suatu gerakan memulihkan pandangan sesetengah atau keseluruhan kaum atau rakyat kepada sesuatu pandangan baru.

Saya ingin mengungkap di sebalik perbuatan yang dikatakan sebagai reformasi itu dan apa pula kesannya kepada masyarakat yang cintakan tanah air.

Perluakah kita melakukan atau mengikuti gerakan reformasi? Adakah dengan hanya melaungkan reformasi dan mengadakan kempen di sana sini boleh menyelesaikan masalah.

Apa yang jelas, reformasi yang dilaungkan itu hanya bersifat perhimpunan yang berkemungkinan besar mencetuskan rusuhan. Saya sedih mengenangkan tindakan pihak tertentu yang saya anggap lari daripada landasan pemikiran ini.

Bukankah suatu perkara kurang wajar jika kita sendiri cuba memecahbelahkan rakyat sendiri. Jangan disebabkan mendapat sedikit sokongan, kita boleh menarik minat ramai rakyat untuk mengikuti dan mempercayai laungan reformasi.

Saya bukanlah hendak memburukkan sesiapa. Saya memihak kepada yang benar.

Saya hanya mampu berfikir melalui pertimbangan akal.

Saya meneliti pelbagai dalil dikemukakan penyokong gerakan reformasi.

Ada sesetengah dalil itu sukar dipercayai.

Melalui fakta dan pandangan peribadi serta suara sahabat yang rapat, rata-rata penyokong gerakan reformasi adalah pelajar dan remaja. Golongan dewasa tetap menyokong kepemimpinan kerajaan.

Saya khuatir mereka terjebak dengan apa yang di katakan reformasi. Saya berharap mereka tidak terbabit.

Apa yang perlu ialah berdoa agar Tuhan tunjukkan kepada kita jalan dan negara kita dalam keadaan selamat.

Mengenai media asing yang sibuk membuat liputan mengenai politik di Malaysia pula, saya meragui keikhlasan mereka.

Mereka mempunyai tujuan tertentu untuk memperbesarkan isu itu.

Saya terfikir, mengapa pula pihak asing sibuk menyokong gerakan reformasi. Ini menunjukkan ada kuasa luar di belakang mereka. Siapa mereka? Faham-faham sajalah.

Saya benar-benar meragui kejujuran orang asing dalam memberikan sokongan kerana bagi saya, ia tidak ubah ada muslihat untuk menghancurkan rakyat negara ini.

Sebagai bukti, cuba lihat media asing seolah-olah menganggap gerakan reformasi mempunyai asasnya.

Tidak terfikirkah kita orang asing cuba menjatuhkan kita terutama untuk menjatuhkan kepemimpinan negara ini. Mereka ingin menjatuhkan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak membantu negara Asean dalam pelbagai aspek terutama dari segi ekonomi.

Sebenarnya inilah masanya orang asing ingin menjatuhkan negara dengan

mengancam kedamaian yang kita nikmati selama ini.

Mereka bertepuk tangan melihat negara kita mengalami krisis yang jarang berlaku di sini. Mereka gembira melihat Malaysia mengalami perpecahan, huru-hara dan paling ketara mereka akan ketawa besar apabila rakyat sudah tidak mempercayai ketua mereka.